



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PUTRAJAYA**

**SEMPENA  
PROGRAM SEMARAK KOMUNITI 1MALAYSIA  
PERINGKAT KAWASAN PARLIMEN BUKIT BINTANG / SEPUTEH /  
PUTRAJAYA 2016**

**21 MEI 2016, 11.30 PAGI  
PERKARANGAN APARTMENT P14-12, JALAN P14H, PRESINT 14,  
PUTRAJAYA**

---

**Bismillahirrahmanirrahim...**

***(SALUTATION AKAN DIBEKALKAN OLEH PIHAK PENGANJUR)***

**Wakil-wakil media,**

**Tetamu-tetamu jemputan, YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurniaanya, kita dapat melaksanakan program pada pagi yang mulia ini dalam keadaan harmoni, aman dan tenteram dalam sebuah negara merdeka.

2. Nikmat keamanan dan pelbagai nikmat yang kita kecapai hari ini tak mungkin akan kita rasai jika tiada usaha, penat jerih dan susah payah yang terpaksa dilalui oleh pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu.
3. Jika tiada perjuangan dalam menuntut kemerdekaan, jika tiada perjuangan dalam memacu pembangunan Negara yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu, kita tidak mungkin menikmati suasana yang aman dan tenteram serta pelbagai nikmat yang semua rakyat nikmati pada hari ini.
4. Oleh itu kita semua wajib bersyukur atas nikmat ini dan berterima kasih kepada pihak Kerajaan dalam usaha mengekalkan keamanan negara. Saya yakin bahawa kesepakatan ini akan dapat diperkukuhkan dengan meningkatkan semangat jati diri, semangat cintakan Negara, semangat kerjasama, semangat kemasyarakatan, semangat kejiranan dan berusaha menjadi warganegara yang mempunyai modal insan yang cemerlang.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,**

5. Program Semarak Komuniti 1Malaysia Peringkat Kawasan Parlimen Bukit Bintang / Seputeh / Putrajaya 2016 yang diadakan di Presint 14 Putrajaya pada hari ini diadakan hasil muafakat dan kerjasama oleh 13 buah Komuniti 1Malaysia dalam tiga (3) kawasan Parlimen ini.

6. Komuniti 1Malaysia yang diselidikan oleh Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan adalah bukti usaha Kerajaan untuk menggalakkan setiap ahli masyarakat terutamanya warga Wilayah Persekutuan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan yang berasaskan semangat kesukarelaan dalam sesebuah komuniti.
7. Komuniti 1Malaysia atau ringkasnya K1M ini juga merupakan satu platform bagi pihak kerajaan menyalurkan maklumat Dasar-dasar kerajaan seperti penghayatan Gagasan 1Malaysia, Dasar-dasar Transformasi Kerajaan dan pelaksanaan TPPA, Rancangan Malaysia Ke-11, *GST (Goods & Service Tax)* dan sebagainya kepada rakyat jelata.
8. Tujuan penubuhan K1M adalah sebagai salah satu saluran untuk pihak Kerajaan memastikan rakyat mendapat maklumat yang sahih dan tepat mengenai sesuatu dasar di mana dengan maklumat yang benar dan sahih rakyat tidak akan terpesong dengan dakyah yang songsang oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab.
9. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa semua pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Penduduk dan pelbagai NGO Belia yang wujud di seluruh Wilayah Persekutuan memainkan peranan proaktif dalam usaha-usaha mendapatkan maklumat Dasar-dasar Kerajaan yang tepat dan sahih seterusnya menyebarkan maklumat berkenaan kepada orang ramai.

10. Ini boleh dilakukan dengan membuat *smart-partnership* bersama Komuniti 1Malaysia seperti yang dilakukan pada hari ini iaitu kerjasama antara Jabatan Penerangan WPKL., Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Kementerian Wilayah Persekutuan; Perbadanan Putrajaya; Tenaga Nasional Berhad (TNB); Bank Rakyat; dan pihak Komuniti 1Malaysia.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,**

11. Dalam perkembangan teknologi komunikasi yang pesat dan pantas pada hari ini, kita dapati satu kelemahan yang paling ketara ialah penyebaran maklumat yang tidak benar sangat berleluasa di laman media sosial.
12. Lebih parah apabila si penerima maklumat begitu ghairah untuk menjadi yang pertama dalam menyampaikan sesuatu maklumat, terus berkongsi maklumat yang diterima tanpa terlebih dahulu memastikan kesahihan maklumat tersebut.
13. Lebih dibimbangi apabila maklumat itu disampaikan oleh seorang yang berpengaruh dalam masyarakat maka si penerima tanpa berfikir panjang terus menyebarkan kepada rakan-rakan lain yang akhirnya kita turut menanggung dosa sekiranya maklumat yang disampaikan berbentuk fitnah.

14. Oleh yang demikian, saya ingin menggesa kepada semua masyarakat di Wilayah Persekutuan dan semua rakyat agar tidak terus mempercayai sesuatu maklumat yang diterima menerusi media baru. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua memastikan kesahihan sesuatu maklumat terlebih dahulu dan sekiranya sesuatu maklumat telah disahkan oleh pihak yang berwajib, maka barulah kita semua kongsi atau *share* maklumat tersebut.
15. Sehubungan dengan itu, peranan proaktif Komuniti 1Malaysia dalam penyebaran maklumat dasar-dasar kerajaan juga perlu diperkasakan lagi bagi memastikan maklumat tersebut dapat disampaikan dengan berkesan dan seterusnya sokongan rakyat kepada pihak Kerajaan dapat dipertingkatkan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,**

16. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur Program Semarak Komuniti 1Malaysia Peringkat Kawasan Parlimen Bukit Bintang / Seputeh / Putrajaya 2016 pada hari ini yang khas melibatkan ahli-ahli Komuniti 1Malaysia Putrajaya, penduduk setempat dan komuniti berdekatan, dengan kerjasama erat masyarakat tidak kira kaum Melayu, Cina dan India, program hari ini dapat diadakan dengan berjaya.

17. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya bagi sama-sama merasakan kemeriahan Program pada hari ini seterusnya merasmikan Program tahunan ini.
  
18. **Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, sukacita untuk merasmikan Program Semarak Komuniti 1Malaysia Peringkat Kawasan Parlimen Bukit Bintang / Seputeh / Putrajaya tahun 2016.**
  
19. Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.